

Skala Psikometrik: Perspektif Kawalan Sosial Tidak Formal dan Penguatan Nilai Integriti Golongan Muda

MOHD SUFIEAN HASSAN
MAIZATUL HAIZAN MAHBOB
MOHD. HELMI ABD. RAHIM
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kawalan sosial tidak formal merupakan kaedah penguatan nilai integriti yang berkesan mengekang salah laku golongan muda. Kajian empirikal kawalan sosial tidak formal kurang diberi perhatian pengkaji sains sosial dan kemanusiaan kerana kaedah ini dilaporkan mengambil masa yang lama bagi mengukuhkan nilai integriti berbanding kawalan sosial formal. Namun, pelaksanaan kawalan sosial tidak formal disahkan bukan sahaja mengurangkan kos sistem keselamatan sosial malah membentuk peribadi golongan muda yang berintegriti. Justeru, kajian ini memberi tumpuan dalam menilai skala psikometrik kawalan sosial dan penguatan nilai integriti golongan muda. Bagi menguji nilai integriti, Teori Kawalan Sosial Tidak Formal diuji ke atas 400 mahasiswa negeri Melaka dari empat Institusi Pengajian Tinggi iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Teknikal Malaysia, Melaka, Universiti Multimedia, (MMU) Melaka dan Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). Instrumen Skala Kawalan Sosial Tidak Formal dibentuk daripada Teori Ikatan Sosial dan Skala Keagamaan untuk menguji nilai integriti golongan muda melalui Analisis Faktor Pengesahan (CFA) dan pembentukan Model CFA Skala Kawalan Sosial Tidak Formal. Dapatan menunjukkan model multi-dimensi skala kawalan sosial telah mencapai ketepatan padanan yang baik dan mencapai kesahan konvergen berdasarkan hubungan yang signifikan pemboleh ubah. Skala ini turut mencapai kesahan diskriminan dan kesahan prediktif yang menyokong ciri-ciri psikometrik versi Bahasa Melayu. Kajian ini secara langsung menyumbang kepada pembentukan Skala Kawalan Sosial Tidak Formal yang kurang diberi perhatian oleh penyelidik sebelumnya.

Kata kunci: *Kawalan sosial tidak formal, keterikatan, kepercayaan, keterlibatan, komitmen.*

Psychometric Scale: A Perspective of Informal Social Control and Strengthening the Integrity Value of Young People

ABSTRACT

Informal social control is a method of strengthening the value of integrity that effectively reinforces the misconduct of the young people. Empirical research on informal social control is less concerned with social science and humanities researchers because this method is reported took a long time to strengthen the value of integrity over formal social control. However, the implementation of informal social controls is confirmed not only reducing the cost of social and crime control systems but also forming the young people with integrity values. Hence, this study focuses on examining psychometric scales of social control in strengthening the integrity value of young people. In order to test the integrity value, the Informal Social Bond Theory was tested on 400 Melaka state students from four Higher Education Institutions, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Teknikal Malaysia, Melaka, Multimedia University, (MMU) Melaka and Melaka Islamic University College (KUIM). The Informal Social Control Scale Instrument is formed from the Social Bond Theory and the Religious Scale to test the value of the integrity of the young through Confirmatory Factor Analysis

(CFA) and the establishment of Confirmatory Factor Analysis Model of Informal Social Control Scale. Findings show that multi-dimensional models of social control scales have achieved goodness of fit accuracy and achieve convergence validity based on significant relationship variables. This scale also achieves discriminant validity and predictive validity that supports the psychometric characteristics of the Malay version. This study directly contributes to the formation of an Informal Social Control Scale that is less attention to previous researchers.

Keywords: *Informal social control, attachment, belief, involvement, commitment.*

PENGENALAN

Kawalan sosial tidak formal merupakan kaedah pengukuhan nilai integriti yang berkesan mengekang salah laku golongan muda (Jiang, Wang & Lambert, 2010). Kajian empirikal kawalan sosial tidak formal kurang diberi perhatian pengkaji sains sosial dan kemanusiaan (Burchfield, 2009) kerana kaedah ini dilaporkan mengambil masa yang lama bagi mengukuh nilai integriti berbanding kawalan sosial formal (Weisburd & Eck, 2004). Namun, pelaksanaan kawalan sosial tidak formal disahkan bukan sahaja mengurangkan kos sistem keselamatan sosial (Groff, 2015), malah membentuk peribadi beretika dan tindakan bermoral yang menjadi pertimbangan golongan muda untuk menzahirkan perilaku berintegriti (Houry-Kassabri, Houry & Ali, 2015).

Golongan muda yang aktif, agresif dan mudah menerima ledakan teknologi (Akmal & Salman, 2015) secara langsung merupakan agen transformasi nasional yang memandu negara ke arah aspirasi global (Mohamad, 2018). Bagi memacu transformasi nasional seiring nilai agama dan budaya, penerapan nilai integriti golongan muda secara langsung mampu melahirkan pemimpin beretika dan mengurangkan kecenderungan tindakan tidak bermoral dalam sistem politik negara. Kawalan sosial tidak formal telah dibincangkan sebagai kawalan tingkah laku manusia untuk mengekang tindakan tidak berintegriti seperti jenayah, kenakalan dan salah laku tingkah laku terutama di kalangan golongan muda (Groff, 2015; Raitasalo, 2008; Warner, Leukefeld & Kraman, 2003).

Justeru itu, bagi menilai tahap integriti golongan muda, kajian ini memilih instrumen kawalan sosial tidak formal, iaitu Teori Ikatan Sosial (*Social Bond Theory*) (Cho, 2014) yang menganalisis dimensi kawalan sosial tidak formal seperti 1) keterikatan, 2) kepercayaan, 3) keterlibatan dan 4) komitmen.

Dengan mengambil kira aspek budaya di Malaysia, kajian ini menambah baik dimensi kepercayaan yang bukan sahaja dilihat dari aspek undang-undang, malah turut menilai aspek kepercayaan agama. Justeru itu, bagi menguji dimensi kepercayaan dari aspek agama, instrumen yang diguna pakai adalah Skala Keagamaan (*Religiosity Scale*) oleh Abou-Youssef et al. (2011). Kepercayaan agama tidak pernah diuji di mana-mana skala kawalan sosial tidak formal sebelum ini. Dimensi kepercayaan merujuk kepada kepercayaan bahawa penguatkuasaan (Costello & Vowell, 1999) dan pematuhan undang-undang (Hirschi, 1969), mengekang tindakan salah laku.

GOLONGAN MUDA DI MALAYSIA

Golongan muda yang aktif, agresif dan mudah menerima ledakan teknologi secara langsung merupakan agen transformasi nasional yang memandu negara ke arah aspirasi global (Mohamad, 2018). Inovasi media sosial dilaporkan memperkasakan peranan golongan muda untuk memacu pembangunan negara ke arah nilai integriti (Akmal & Salman, 2015). Nilai integriti ini disebarkan melalui penggunaan media sosial ini di kalangan golongan muda yang lain (Mustafa, 2016).

Dasar Pembangunan Belia Negara (DPBN) 1997 telah mentakrifkan belia dari sudut umur ialah individu berumur antara 15 hingga 40 tahun. Namun pada tahun 2015, dalam dokumen Dasar Belia Malaysia (DBM), pindaan takrifan belia telah dilakukan, yang merujuk belia sebagai individu yang berumur di antara 15 tahun dan sebelum mencapai umur 30 tahun. Namun, pindaan takrifan umur belia ini hanya diguna pakai pada tahun 2018. Relevan kepada keputusan Kementerian Belia dan Sukan ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada generasi yang berumur di bawah 30 tahun menerajui kepimpinan dan mencorak masa depan sejajar perkembangan transformasi negara.

Namun, definisi golongan muda berbeza mengikut negara sebagai contoh di England, umur 18 hingga 25 tahun dikategorikan sebagai golongan muda. Perbezaan ini berbeza mengikut konteks contohnya laporan statistik muflis di kalangan golongan muda meletakkan umur 25 hingga 34 tahun (Suffian, 2016). Menurut laporan Indeks Belia Malaysia 2015 pada tahun 2015, jumlah belia di Malaysia adalah seramai 13.88 juta daripada 30.26 juta penduduk Malaysia (Yusof et al., 2015). Ini bermakna, 45.8 peratus daripada jumlah tersebut merupakan golongan muda. Jumlah peratusan yang tinggi ini menunjukkan bahawa golongan muda merupakan aset penting menjelang Tranformasi Nasional 2050 (TN50).

TEORI KAWALAN SOSIAL

Teori kawalan sosial berpendapat salah laku jenayah merangkumi dua kaedah, iaitu 1) kawalan sosial formal seperti undang-undang dan peraturan, 2) kawalan sosial tidak formal seperti nilai, moral dan etika (Alston, Harley & Lenhoff, 1995; Jeffrey, Boman & Shayne, 2015). Teori kawalan sosial bermula sejak 1951 oleh Albert J. Reiss dan pelbagai konstruk diuji bagi menilai keberkesanan kawalan sosial dalam mengekang tingkah laku tidak berintegriti belia.

Antara sarjana yang mengkaji hal ini ialah Jackson Toby (1957), Francis Ivan Nye (1958), Walter Reckless (1961) dan yang menjadi tumpuan adalah Travis Hirschi sekitar tahun 1967. Hirschi (1967) mengukur peranan institusi sosial seperti keluarga, masyarakat dan rakan-rakan bagi mengekang salah laku belia. Di samping itu, Hirschi (1969) turut menggabungkan dimensi kawalan sosial tidak formal seperti keterikatan, keterlibatan, komitmen dan kepercayaan sebagai kaedah pengukuran keberkesanan kawalan sosial tidak formal (Jiang, Wang & Lambert, 2010). Kajian ini mengukur skala kawalan sosial tidak formal melalui dimensi 1) keterikatan, 2) kepercayaan, 3) keterlibatan dan 4) komitmen melalui institusi sosial tersebut.

Keterikatan

Takrifan Hirschi (1969) terhadap keterikatan ialah individu perlu mempunyai ikatan atau pertalian dengan ibu bapa, universiti dan rakan-rakan kerana pakar bidang sosiologi dari Amerika Syarikat ini berpendapat bahawa individu yang melakukan jenayah adalah mereka yang dipinggirkan oleh ibu bapa, universiti dan rakan-rakan (Brownfield, 2010). Keterikatan individu terhadap ibu bapa, universiti dan rakan-rakan memberi kesan kepada tahap kepekaan menerima pendapat mereka sebagai rujukan hidup oleh individu (Zhang et al., 1996).

Hirschi memperincikan takrifan dimensi keterikatan dalam kajiannya pada 1977, di mana keterikatan merujuk kepada hubungan psikologi di mana wujud rasa hormat, kasih sayang dan taat antara golongan muda dengan keluarga, universiti dan rakan-rakan. Idea ini disokong oleh Schroeder, Giordano dan Cernkovich (2010) yang berpendapat bahawa

hubungan psikologi ini membentuk tahap kawalan sosial yang tinggi, di mana lebih tinggi rasa hormat, kasih sayang dan taat golongan muda terhadap keluarga, universiti dan rakan-rakan, maka lebih tinggi tahap kawalan sosial, dan lebih rendah tahap salah laku individu tersebut. Ini kerana keluarga, universiti dan rakan-rakan merupakan unit yang signifikan dalam kehidupan golongan muda yang memberi sokongan moral dalam meneruskan kehidupan (Barfield-Cottledge, 2011; Chuen, Michael & Teck, 2016).

Dapatan kajian ini turut disokong oleh Özlem dan Haydari (2011) yang mengkaji kawalan sosial tidak formal di kalangan masyarakat Timur Tengah (Turki) mendapati wujud hubungan signifikan antara keterikatan golongan muda terhadap keluarga, universiti dan rakan-rakan, di mana nilai tradisional iaitu menghormati fungsi keluarga, universiti dan rakan-rakan di kalangan masyarakat di Timur Tengah dijangka sebagai faktor mengekang tindakan tidak berintegriti golongan muda. Namun, dimensi keterikatan ini turut dipengaruhi oleh faktor demografik seperti pendapatan dan tahap pendidikan keluarga.

Keluarga yang menggalakkan perkongsian idea dan emosi, meningkatkan tahap keterikatan golongan muda dengan keluarga (Memon, Ishak & Hamid, 2018). Fungsi keluarga dalam membantu golongan muda menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan berkongsi emosi dijangka mengurangkan kecenderungan golongan muda mencari penyelesaian di luar rumah, di mana ini membuka ruang tindakan tidak berintegriti. Namun, hal ini bergantung kepada tahap pendidikan dan pendapatan sesebuah keluarga, di mana dilaporkan tahap pendidikan ibu bapa yang rendah, menyebabkan mereka perlu berkerja lebih masa untuk manampung pendapatan keluarga (Dunifon et al., 2013; Ferris, Oosterhoff & Metzger, 2013).

Menurut Nik Yaacob dan Siew (2010), ibu yang bekerja lebih masa menjadi faktor kepada tindakan agresif golongan muda. Ibu yang bekerja mempunyai kekangan masa berinteraksi dengan anak-anak dan mempunyai masa yang minimum dalam memantau pencapaian akademik serta memberi pengalaman negatif sepanjang tumbesaran anak-anak. Kesan kepada pengalaman negatif ini menyebabkan proses pembangunan personaliti dan sahsiah golongan muda terganggu terutama dari segi emosi dan spiritual (Han, Miller & Waldfoegel, 2010; Han & Miller, 2009; Lyons-Ruth, 1996).

Selain daripada keterikatan terhadap keluarga, keterikatan golongan muda terhadap universiti dijangka memberi kesan kepada tindakan tidak berintegriti (Wray-Lake et al., 2012), di mana keyakinan golongan muda terhadap institusi sosial ini dalam menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan berkongsi emosi menjadi penghalang kepada tindakan tidak berintegriti golongan muda.

Keterikatan golongan muda terhadap aktiviti ko-kurikulum di universiti dilaporkan mampu mengekang tingkah laku tidak berintegriti golongan muda (Fingar & Jolls, 2014; Lawrence, 1985). Ini kerana keterikatan kepada aktiviti ko-kurikulum menjadi platform kepada golongan muda mempunyai keterikatan dengan pensyarah dan pentadbiran universiti dan menjaga prestasi serta pencapaian peribadi golongan muda (Farb & Matjasko, 2012)

Kepercayaan

Takrifan awal dimensi kepercayaan oleh Hirschi (1969) merujuk kepada kepercayaan golongan muda terhadap penguatkuasaan (Costello & Vowell, 1999) dan pematuhan undang-undang mengekang tindakan salah laku (Hirschi, 1969). Pada ketika ini fungsi pihak berkuasa terutama polis dilihat sebagai penguatkuasa undang-undang gagal mengekang tindakan salah laku golongan muda (Mastrofski, Worden & Snipes, 1995).

Ini kerana penahanan individu yang terlibat dengan salah laku tidak mengurangkan kadar jenayah, malah tindakan salah laku semakin meningkat (Na & Gottfredson, 2013). Menurut Pickering dan Klinger (2016), pelaksanaan penguatkuasaan dengan mengurangkan kekerasan dan keganasan terhadap masyarakat dilihat berkesan dalam menaikkan reputasi jabatan polis di mata masyarakat. Kejadian tembakan di khalayak ramai dan penahanan individu tidak menurunkan statistik tindakan salah laku, malah menurunkan imej jabatan polis di mata orang awam di Amerika Syarikat (Gau, 2014).

Ini membuktikan kawalan sosial formal bersifat lemah dalam mengekang tindakan salah laku golongan muda. Justeru itu, kajian ini menambahbaik teori kawalan sosial tidak formal daripada dimensi kepercayaan dengan mengukur tahap kepercayaan golongan muda terhadap agama dan undang-undang bagi mengekang tindakan tidak berintegriti (Office of Juvenile Justice and Delinquency Prevention, 2018).

Tahap pegangan agama yang tinggi (Obasola, 2013) dan diikuti kepercayaan terhadap badan penguatkuasa undang-undang (Costello & Vowell, 1999) dijangka meningkatkan nilai integriti golongan muda, di mana tahap pengabaian aktiviti tidak berintegriti adalah tinggi. Bagi tujuan ini dimensi kepercayaan diukur dari segi amalan aktiviti keagamaan (Abou-Youssef et al., 2011), penglibatan kesukarelawanan terhadap aktiviti keagamaan (Metzger et al., 2011) dan menyokong serta menyertai aktiviti anjuran badan penguatkuasa undang-undang (Jiang et al., 2014).

Bagi elemen kepercayaan, ia merujuk kepada tahap nilai kepatuhan, kesetiaan dan kepercayaan individu terhadap institusi keagamaan serta perundangan (Alston et al., 1995). Sorotan kajian lepas daripada pelbagai bidang budaya dan agama percaya bahawa agama mampu mengekang tindakan tidak berintegriti golongan muda. Institusi keagamaan bertanggungjawab dalam memupuk nilai, moral dan etika kepada golongan muda untuk menjadi kumpulan masyarakat yang berintegriti (Obasola, 2013).

Amalan keagamaan dan kesukarelawanan menyertai aktiviti berunsur keagamaan di kalangan golongan muda dijangka meningkatkan nilai moral dan integriti. Menurut Laird, Marks dan Marrero (2011) dalam kajian fungsi agama dalam mengekang tindakan tidak berintegriti mendapati lebih kerap golongan muda menyertai aktiviti keagamaan, lebih tinggi nilai integriti dipupuk. Namun, lebih rendah penyertaan aktiviti keagamaan kerana sikap anti-sosial, golongan muda lebih cenderung terlibat dengan aktiviti salah laku.

Dapatan kajian ini turut disokong oleh Ludden (2011) ke atas aktiviti kesukarelawanan di kalangan golongan muda luar bandar, di mana beliau mendapati golongan muda yang mengambil bahagian dalam aktiviti keagamaan dilaporkan lebih banyak terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan, kurang masalah tingkah laku, mempunyai motivasi dan pencapaian akademik yang tinggi. Selain itu, aktiviti sivik ini bukan sahaja disertai di kawasan tempat tinggal, malah di universiti.

Kepercayaan bahawa institusi keagamaan bukan sahaja mampu meningkatkan nilai integriti golongan muda, malah kepercayaan ini secara langsung meningkatkan prestasi akademik. Idea ini disokong oleh Mustapha (2013) yang mengkaji agama dan tindakan tidak berintegriti di kalangan golongan muda mendapati bahawa responden yang mempunyai pegangan agama yang tinggi mempunyai latar belakang keluarga yang menekankan aspek keagamaan di dalam keluarga (Chamrathirong et al., 2013).

Di samping itu, golongan muda ini telah menghayati nilai akhlak dan prinsip agama sebagai asas kehidupan, dan dengan itu didapati kurang kecenderungan untuk menyertai aktiviti tidak berintegriti. Selain keluarga, institusi pendidikan yang mempunyai sfera

keagamaan yang tinggi dilaporkan mempunyai pencapaian akademik pelajar yang tinggi (Farb & Matjasko, 2012). Hal ini jelas membuktikan kepercayaan kepada agama, bukan sahaja mengekang tindakan tidak berintegriti, malah turut memberi kesan kepada pencapaian akademik dan sahsiah golongan muda.

Selain institusi keagamaan, kepercayaan terhadap undang-undang dan inisiatif badan penguatkuasa dalam mengekang tindakan tidak berintegriti turut dilaporkan mampu meningkatkan nilai integriti golongan muda. Kepercayaan bahawa setiap salah laku berhadapan dengan hukuman yang setimpal (Jiang et al., 2014) dan menyertai aktiviti kesukarelawanan anjuran badan penguatkuasa dijangka mengekang tindakan tidak berintegriti golongan muda (Weisburd & Eck, 2004).

Undang-undang yang diwujudkan bertujuan bagi memastikan kestabilan dan keamanan masyarakat dicapai dan penguatkuasaan undang-undang adalah bagi memastikan kumpulan masyarakat mematuhi (Office of Juvenile Justice and Delinquency Prevention, 2018). Inisiatif dan aktiviti kesukarelawanan yang dilaksanakan oleh badan penguatkuasa bertujuan menyuntik kesedaran golongan muda untuk mengekang diri daripada aktiviti tidak berintegriti (Wiley & Esbensen, 2016). Walaupun kawalan sosial tidak formal dijangka lebih berkesan untuk jangka masa panjang bagi mengekang tindakan tidak berintegriti, namun kawalan sosial formal terutama undang-undang amat diperlukan kerana keberkesanannya dalam jangka masa pendek bagi mengawal tindakan tidak berintegriti (Omoyibo & Obaro, 2012).

Keterlibatan

Skala kawalan sosial tidak formal dari dimensi keterlibatan mengukur tahap keterlibatan golongan muda terhadap keluarga, universiti dan rakan-rakan, di mana lebih tinggi tahap keterlibatan, lebih tinggi nilai integriti golongan muda (Özden & Özcan, 2006). Dimensi ini menguji keterlibatan golongan muda bersama institusi sosial dalam aktiviti kehidupan terutama aktiviti sosial seperti meluangkan masa bersama keluarga (Burke et al., 2014), menyertai aktiviti anjuran universiti (Peck et al., 2008) dan beriadah bersama rakan-rakan (Metzger et al., 2011).

Dimensi keterlibatan merujuk kepada keterlibatan individu terhadap aktiviti sosial yang dilakukan ketika masa lapang. Idea utama adalah semakin tinggi penglibatan individu terhadap aktiviti sosial ketika masa lapang dijangka mengurangkan kecenderungan melakukan aktiviti tidak bermoral (Wiatrowski, Griswold & Roberts, 1981). Seseorang yang terlibat dalam aktiviti sosial akan terikat pada tarikh akhir, tarikh, jam kerja, dan rancangan tertentu (Brownfield, 2010).

Keterlibatan keluarga dalam memenuhi masa lapang bersama golongan muda dijangka mengekang tindakan tidak berintegriti (Hoffmann, 1995). Interaksi bersama keluarga dalam melakukan aktiviti sosial bukan sahaja mengekang tindakan tidak berintegriti, malah memberi kesan positif terhadap perkembangan personaliti dan sahsiah golongan muda. Ini kerana interaksi antara keluarga dan golongan muda membentuk emosi positif yang menjadi faktor pengabaian aktiviti tidak bermoral (Khoury-Kassabri, Khoury & Ali, 2015).

Namun, keterlibatan keluarga dalam memenuhi masa lapang bersama golongan muda berkait rapat dengan struktur interaksi keluarga. Menurut Hove et al. (2011), ibu bapa yang mempunyai interaksi yang rendah dengan golongan muda kerana kegagalan struktur kekeluargaan dijangka turut mempunyai keterlibatan yang rendah untuk

meluangkan masa dengan aktiviti sosial. Hal ini secara langsung menyumbang kepada tahap tindakan tidak berintegriti golongan muda (Dunifon et al., 2013).

Di samping itu, aktiviti sosial yang dilakukan bersama rakan-rakan dan universiti turut dilaporkan mengurangkan kecenderungan golongan muda melakukan tindakan tidak berintegriti (Ferris et al., 2013). Ini kerana kebiasaannya, penyertaan dalam kelab universiti dikaitkan dengan pencapaian akademik cemerlang dan penglibatan aktiviti sosial bersifat keagamaan dikaitkan dengan perilaku tidak berintegriti yang rendah (Ludden, 2011).

Penglibatan aktiviti sosial terutama bersama rakan-rakan dijangka membuka peluang interaksi komunikasi dan ruang aktiviti tidak berintegriti. Menurut Boyes et al. (2017) dalam kajiannya ke atas atlet sukan mendapati aktiviti fizikal secara langsung membuka ruang aktiviti tidak berintegriti golongan muda seperti penyalahgunaan dadah. Penggunaan dadah dalam aktiviti fizikal didorong oleh ajakan rakan-rakan yang cenderung untuk mempunyai prestasi sukan yang tinggi. Dapatan kajian ini turut disokong oleh Chapple (2005), di mana kebimbangan golongan muda ditolak oleh rakan-rakan menjadikan individu ini menolak nilai integriti.

Walau bagaimanapun, keterlibatan kepada aktiviti sosial bersama rakan-rakan di universiti mampu membentuk kemahiran kepimpinan, komunikasi dan tanggungjawab sosial golongan muda. Secara langsung, kemahiran ini turut membentuk personaliti yang baik berbanding golongan muda yang tidak melibatkan diri dengan aktiviti sosial bersama rakan-rakan dan universiti (Farb & Matjasko, 2012). Aktiviti sosial terutama kesukarelawanan yang melibatkan organisasi sukarela meningkatkan inisiatif penglibatan sivik golongan muda. Peruntukan masa dalam mengelola aktiviti kesukarelawanan secara langsung mengurangkan kecenderungan golongan muda kepada aktiviti tidak berintegriti (Quintelier & Quintelier, 2008).

Kajian ini disokong oleh Oosterhoff et al. (2017) yang melaporkan bahawa tempoh penglibatan aktiviti sosial golongan muda bersama rakan-rakan dan pihak universiti secara langsung meningkatkan keyakinan dan jati diri yang lebih tinggi, di mana lagi tinggi tempoh penglibatan golongan muda dalam aktiviti sosial, maka lagi tinggi tahap pengabaian tindakan tidak berintegriti.

Hal ini kerana masa yang ditetapkan bagi melaksanakan aktiviti sosial, iaitu perancangan dan pelaksanaan aktiviti ini, menyumbang kepada faktor integriti golongan muda (Peck et al., 2008). Keterlibatan dalam proses perancangan dan pelaksanaan aktiviti sosial dilaporkan memberi kesan negatif terhadap tindakan tidak berintegriti dan meningkatkan pembangunan kemahiran insaniah di kalangan golongan muda (Ferris et al., 2013).

Komitmen

Skala kawalan sosial tidak formal dari dimensi komitmen mengukur tahap komitmen golongan muda terhadap keluarga, universiti dan rakan-rakan, di mana lebih tinggi tahap komitmen, lebih tinggi nilai integriti golongan muda. Dimensi ini menguji komitmen golongan muda terhadap institusi sosial dalam kehidupan mereka. Komitmen untuk menjadi individu berjasa kepada ibu bapa, pelajar cemerlang terhadap pengajian di universiti dan rakan yang disenangi rakan-rakan lain menjadi faktor kepada peningkatan nilai integriti golongan muda.

Dimensi komitmen merujuk kepada komitmen golongan muda dalam memelihara emosi atau perasaan, pandangan dan persepsi gabungan utama, iaitu 1) keluarga, 2) institusi pendidikan (sekolah) dan 3) rakan-rakan terhadap kesan tingkah laku yang dilakukan (Baumeister & Leary, 1995). Menurut Wheeler, Reis dan Nezlek (1983), dimensi komitmen adalah untuk mengekalkan ikatan sosial di antara golongan muda dengan institusi sosial dan dilaporkan mengurangkan kecenderungan tindakan tidak berintegriti.

Ini bertujuan untuk mengekalkan tahap pematuhan individu terhadap gabungan utama tersebut. Hirschi berpendapat semakin tinggi tahap komitmen emosi individu dengan gabungan utama, semakin kurang kecenderungan individu melakukan tindakan tidak berintegriti. Sokongan kepada hujah ini adalah berdasarkan kepada keperluan asas manusia iaitu keselamatan, di mana untuk berada di tahap yang selamat, tiada individu di dunia ini yang ingin hidup bersendirian dan tindakan untuk bersendirian secara langsung mencetuskan tekanan perasaan (Han et al., 2010).

Idea bahawa kehidupan bersendirian memberi kesan negatif kepada golongan muda turut berhubung kait dengan dapatan kajian Valdimarsdóttir dan Bernburg (2015) terhadap komitmen golongan muda terhadap institusi sosial dan tindakan tidak berintegriti golongan muda. Hasil kajian ini melaporkan komitmen golongan muda terhadap aktiviti kejiwaan mampu memberi kesan negatif kepada tahap tindakan tidak berintegriti mereka (Warner & Burchfield, 2011), di mana lebih rendah tahap komitmen golongan muda dengan aktiviti kejiwaan, lebih rendah nilai integriti golongan muda (Thorlindsson, Valdimarsdóttir & Hrafn Jonsson, 2012).

Tahap rendah nilai integriti golongan muda berkait rapat dengan komitmen keluarga dalam menerapkan nilai agama, sosial dan budaya dalam diri golongan muda (Chamrathirong et al., 2013). Pemupukan nilai integriti golongan muda oleh keluarga, dilaporkan mempunyai hubungan signifikan dengan komitmen golongan muda terhadap keluarga (Schroeder, Giordano & Cernkovich, 2010). Kajian ini konsisten dengan sorotan literatur terdahulu yang mendapati golongan muda yang mempunyai komitmen yang tinggi untuk mengekalkan hubungan yang baik dengan keluarga, menjadi individu harapan dan berjasa kepada keluarga dan dijangka mengurangkan kecenderungan individu ini melibatkan diri dengan aktiviti tidak berintegriti (Khoury-Kassabri et al., 2015).

Di samping itu, ikatan emosi yang dilahirkan oleh keluarga terhadap golongan muda mampu memupuk emosi positif, mental sihat dan kelakuan berintegriti berbanding golongan muda yang kurang sokongan emosi daripada keluarga. Idea ini disokong oleh kajian Chamrathirong et al. (2013) yang menunjukkan bahawa komitmen yang tinggi oleh ibu bapa terhadap golongan muda adalah peramal ketara penjelasan terhadap tindakan tidak berintegriti golongan muda dan ia berpunca daripada penerapan emosi positif.

Justeru itu, bagi menilai tahap integriti golongan muda, kajian ini memilih instrumen kawalan sosial tidak formal, yang dibentuk berdasarkan Teori Ikatan Sosial (*Social Bond Theory*) oleh Hirschi (1969) dan (Cho 2014) yang menganalisis dimensi kawalan sosial tidak formal seperti 1) keterikatan, 2) kepercayaan, 3) keterlibatan dan 4) komitmen. Dengan mengambil kira aspek budaya di Malaysia, kajian ini menambah baik dimensi kepercayaan yang bukan sahaja dilihat dari aspek undang-undang, malah turut menilai dari aspek agama. Justeru itu, bagi menguji dimensi kepercayaan dari aspek agama, instrumen yang diguna pakai adalah Skala Keagamaan (*Religiosity Scale*) oleh Abou-Youssef et al. (2011). Bagi menilai Skala Kawalan Sosial Tidak Formal ini, penjelasan tentangnya dihuraikan secara terperinci di bawah.

METODOLOGI KAJIAN

Responden kajian ini adalah seramai 388 pelajar IPT yang terdiri daripada empat universiti di Melaka, Malaysia. Pemilihan pelajar berdasarkan persampelan rawak mudah. Kajian ini menggunakan soal selidik yang dijawab sendiri oleh responden sebagai cara pengumpulan data. Berdasarkan bilangan responden (N = 388) dengan data lengkap dalam kajian ini, saiz sampel ini cukup besar untuk penggunaan SEM (Hair, Black, Babin & Anderson, 2010). Sebelum meneruskan ke pengumpulan data akhir, kajian rintis untuk menguji kebolehpercayaan instrumen telah dijalankan untuk memastikan konsistensi soal selidik. Koefisien kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* untuk semua empat pemboleh ubah, melebihi 0.70, menunjukkan konsistensi dalaman yang baik (Hair et al., 2010).

Instrumen yang diadaptasi telah disemak oleh pakar dan seterusnya ujian rintis dijalankan bagi menentukan kesahan soalan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti indikator skala kawalan sosial dengan menggunakan analisis faktor penerokaan dan mengenal pasti struktur model pengukuran dengan menggunakan analisis faktor pengesahan (CFA).

Instrumen Kajian

Borang soal selidik yang mengandungi dua bahagian, digunakan sebagai instrumen kajian ini. Bahagian A terdiri daripada maklumat umum berkenaan pemboleh ubah demografi iaitu jantina, umur, status, kaum, pendidikan dan penggunaan media sosial. Bahagian B mengandungi skala kawalan sosial yang diadaptasi daripada Byung Jun Cho (2014), kemudian diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Skala untuk mengukur kawalan sosial merupakan skala yang telah pun mantap dan terbukti kebolehpercayaannya kerana digunakan dengan meluas dalam kajian lepas. Kebolehpercayaan (*cronbach alpha*) bagi keempat-empat skala kawalan sosial - konstruk keterikatan, keterlibatan, kepercayaan dan komitmen ialah di antara 0.70 - 0.83 (Cho, 2014). Penggunaan skala yang telah pun mantap sebenarnya membantu dari segi kebolehpercayaan skala tersebut dalam mendapatkan maklumat melalui orang ramai (Babbie, 2013). Skala ini mengandungi 33 item dan diukur menggunakan skala sela tujuh tahap iaitu daripada 1=sangat tidak setuju hingga 7=sangat setuju. Skala pengukuran ini mengukur keterikatan, keterlibatan, kepercayaan dan komitmen.

Jadual 1: Dimensi kawalan sosial tidak formal dan alpha cronbach.

Dimensi Kawalan Sosial Tidak Formal	Instrumen Kajian	Definisi Operasi	Konstruk Kajian	Cronbach Alpha
Keterikatan	<i>Social Bond Scale</i> (Cho, 2014)	Keterikatan merujuk kepada individu perlu mempunyai keterikatan komunikasi pertalian dengan ibu bapa, guru dan rakan-rakan.	Keterikatan terhadap keluarga Keterikatan terhadap Universiti Keterikatan terhadap rakan-rakan	.81
Kepercayaan	<i>Measuring Islamic-Driven Buyer Behavioral Implications: A Proposed Market-Minded Religiosity Scale</i> (Abou-Youssef et al., 2011)	Kepercayaan merujuk kepada kepercayaan individu terhadap institusi keagamaan dan perundangan dalam mengekang tindakan salah laku.	Kepercayaan terhadap agama Kepercayaan terhadap undang-undang Kepercayaan terhadap badan penguatkuasa	.81

Keterlibatan	<i>Social Bond Scale</i> (Cho, 2014)	Keterlibatan merujuk kepada aktiviti sosial yang dilakukan ketika masa lapang.	Keterlibatan terhadap keluarga Keterlibatan terhadap Universiti Keterlibatan terhadap rakan-rakan	.84
Komitmen	<i>Social Bond Scale</i> (Cho, 2014)	Komitmen merujuk kepada sikap individu dalam memelihara emosi atau perasaan, pandangan dan persepsi; 1) keluarga, 2) institusi pendidikan (universiti) dan 3) rakan-rakan.	Komitmen terhadap keluarga Komitmen terhadap Universiti Komitmen terhadap rakan-rakan	.91

Penganalisisan Data

Data kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk memerihalkan profil responden kajian dan analisis faktor penerokaan (*Exploratory Factor Analysis* – EFA) berbantuan perisian IBM SPSS 22.0. Penganalisisan EFA merupakan asas penting bagi memantapkan pembangunan konstruk (Schumacker & Lomax, 2010). Kegunaan utama EFA ialah untuk mengurangkan bilangan item dan mengesan struktur hubungan antara item yang membentuk dimensi konstruk (Hair et al., 2010). Dalam kajian ini analisis komponen prinsipal (*principal component analysis*) dengan putaran varimax digunakan bagi menentukan jumlah komponen.

Analisis Faktor Pengesahan (*Confirmatory Factor Analysis* – CFA) pula dilaksanakan dengan berbantuan perisian AMOS 21.0. CFA bertujuan untuk menentukan bilangan item yang dimasukkan ke dalam konstruk selari dengan apa yang dinyatakan dalam teori (Byrne, 2010). Penilaian ketepatan padanan model CFA ditentukan berdasarkan kombinasi sekurang-kurangnya satu *Absolute Fit Indices* dan satu *Incremental Fit Indices* (Hu & Bentler, 1999; Hair et al., 2010) dan *Parsimony Fit Indices* (PFI) (Hair et al., 2010). Ujian ketepatan padanan digunakan untuk menentukan sama ada model yang diuji patut diterima atau ditolak. Walau bagaimanapun tidak terdapat satu peraturan khusus yang dapat menentukan apakah indeks kesepadanan yang perlu dilaporkan bagi sesuatu model (Hooper, Coughlan & Mullen, 2008; Hair et al., 2010). Penggunaan tiga atau lebih indeks kesepadanan adalah memadai bagi membuktikan sesebuah model mencapai ketepatan padanan, tanpa perlu melaporkan kesemua indeks ketepatan padanan yang wujud (Hair et al., 2010).

DAPATAN KAJIAN

Analisis Faktor Penerokaan (EFA) Kawalan Sosial

Skala Pengukuran Kawalan Sosial yang diuji terdiri daripada empat konstruk iaitu keterikatan, keterlibatan, kepercayaan dan komitmen yang kesemuanya mengandungi 33 item. Nilai *Kaiser-Meyer Olkin Measure of Sampling Adequacy* (KMO) = 0.894 adalah melebihi nilai > 0.6 untuk memenuhi keperluan kebolehfaktoran (Hair et al., 2010; Pallant, 2007). Manakala nilai *Bartlett's Test* adalah signifikan ($p < .05$). Hal ini menunjukkan bahawa item-item yang digunakan dalam Analisis Faktor Penerokaan kajian ini mempunyai kekuatan inter-korelasi yang baik di antara satu sama lain. Jadual 2 menunjukkan dapatan kebolehfaktoran matriks korelasi konstruk ini.

Jadual 2 : Kebolehfaktorannya matriks korelasi kawalan sosial.

Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy		.894
Bartlett's Test of Sphericity	Approx. Chi-Square	7228.149
	df	561
	sig.	.000

Menurut Hair et al. (2010), item yang mempunyai *factor loading* yang rendah dari 0.50 harus disingkirkan. Dalam kajian ini, dua item dari komitmen dan satu dari keterikatan disingkirkan kerana *factor loading* yang rendah iaitu kurang dari 0.50. Bagi menguji kesahan berpusat, pengkaji menggunakan *Average Variance Extracted (AVE)* dan *Construct Reliability (CR)*. Menurut Hair et al. (2010), nilai AVE haruslah lebih besar dari 0.5 dan CR lebih besar dari 0.7. Berdasarkan keputusan nilai AVE bagi kepercayaan dan komitmen, kedua-dua konstruk ini melebihi 0.5 manakala keterikatan dan keterlibatan masing-masing 0.37 dan 0.41. Walaupun nilai AVE bagi keterikatan dan keterlibatan di bawah nilai 0.5, ia masih boleh diterima jika nilai CR melebihi 0.7 (Fornell & Larcker, 1981). Nilai kebolehpercayaan bagi keempat-empat pemboleh ubah laten (konstruk) adalah di antara 0.734 hingga 0.916, iaitu lebih besar dari nilai 0.70, menunjukkan Cronbach's Alpha dalam keadaan yang baik. Kesahan diskriminan ialah untuk mengukur satu konstruk dengan konstruk yang lain dan seharusnya tidak mempunyai korelasi yang tinggi. Byren (2010) mencadangkan nilai $r = .90$ atau lebih menunjukkan pemboleh ubah tersebut mempunyai korelasi yang tinggi. Oleh kerana dapatan korelasi dalam Jadual 3 menunjukkan nilai di antara .611 hingga .747, ini bermakna tiada masalah korelasi yang tinggi (*multicollinearity*).

Jadual 3: Purata ekstraksi varian, kebolehpercayaan konstruk, kebolehpercayaan dan korelasi.

PEMBOLEH UBAH LATEN (Konstruk)	AVE	CR	A	Keterikatan	Kepercayaan	Keterlibatan	Komitmen
Keterikatan	0.374	0.779	0.792	0.611			
Kepercayaan	0.558	0.833	0.906	0.535	0.747		
Keterlibatan	0.409	0.734	0.925	0.496	0.588	0.640	
Komitmen	0.549	0.916	0.960	0.432	0.353	0.141	0.741

Note: AVE = Purata Ekstraksi Varian, CR = Kebolehpercayaan Konstruk, α = Alpha Cronbach's

Jadual 4: *Factor loading* konstruk hipotesis terhadap indikator.

Indikator		Konstruk	Statistik Loading
KT1	←	KETERIKATAN	.695***
KT2	←	KETERIKATAN	.729***
KT3	←	KETERIKATAN	.630***
KT4	←	KETERIKATAN	.542***
KT5	←	KETERIKATAN	.521***
KT6	←	KETERIKATAN	.568***
KT7	←	KETERIKATAN	.703***
KT8	←	KETERIKATAN	.773***
KT9	←	KETERIKATAN	.698***
KP1	←	KEPERCAYAAN	.298
KP2	←	KEPERCAYAAN	.260
KP3	←	KEPERCAYAAN	.275
KP4	←	KEPERCAYAAN	.615***

KP5	←	KEPERCAYAAN	.795***
KP6	←	KEPERCAYAAN	.777***
KP7	←	KEPERCAYAAN	.667***
KP8	←	KEPERCAYAAN	.785***
KP9	←	KEPERCAYAAN	.826***
KP10	←	KEPERCAYAAN	.911***
KL1	←	KETERLIBATAN	.653***
KL2	←	KETERLIBATAN	.654***
KL3	←	KETERLIBATAN	.905***
KL4	←	KETERLIBATAN	.711***
KL5	←	KETERLIBATAN	.759***
KL6	←	KETERLIBATAN	.472
KL7	←	KETERLIBATAN	.599***
KL8	←	KETERLIBATAN	.570***
KL9	←	KETERLIBATAN	.742***
KO1	←	KOMITMEN	.643***
KO2	←	KOMITMEN	.711***
KO3	←	KOMITMEN	.845***
KO4	←	KOMITMEN	.819***
KO5	←	KOMITMEN	.558***
KO6	←	KOMITMEN	.815***
KO7	←	KOMITMEN	.766***
KO8	←	KOMITMEN	.922***
KO9	←	KOMITMEN	.835***
KO10	←	KOMITMEN	.662***

*** Pemberat Regresi Piawai (Standardized Regression Weights) signifikan pada tahap .001 (dua hujungan)

Berdasarkan Jadual 4, semua *factor loading* adalah signifikan pada tahap 0.001 dan melebihi 0.5 bagi semua indikator kecuali *factor loading* dan regresi bagi konstruk kepercayaan dan keterlibatan terhadap indikator KL6 iaitu pada nilai R= 0.47. Hair et al. (2010) mencadangkan nilai 0.5 ke atas masih boleh diterima. Justeru itu, item yang berada di bawah paras 0.5 harus disingkirkan disebabkan *factor loading* yang rendah. Selain itu, nilai regresi piawai yang tinggi (0.521 hingga 0.989) menunjukkan bahawa semua indikator yang diukur (measured variables) secara signifikan dapat mewakili pemboleh ubah pendam (latent variable - konstruk) mereka.


Analisis Faktor Pengesahan (CFA) Kawalan Sosial

Jadual 5: Analisis faktor pengesahan (CFA).

Description	χ^2	CMINDF	RMSEA	GFI	IFI	TLI	CFI	PGFI
Model CFA	473.605	2.223	0.056	.905	.943	.932	.943	.698

Model pengukuran dalam Jadual 5 menunjukkan padanan data yang baik dengan lapan petunjuk iaitu (χ^2 , CMINDF, RMSEA, GFI, IFI, TLI, CFI and PGFI) seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 5. Walau bagaimanapun, Marsh dan Hau (1996) mencadangkan nilai Chi-square (χ^2) boleh dibahagikan dengan darjah kebebasan (df = 100) untuk menilai padanan model berbanding menggunakan χ^2 (CMINDF). Jika kiraan statistik CMINDF kurang dari nilai 5, padanan data bagi model faktor pengesahan adalah baik (Marsh & Hau, 1996). CMINDF untuk model pengukuran ini adalah kurang dari nilai 5 (CMINDF = 2.223). Ini menunjukkan model CFA agak baik. Tambahan pula nilai RMSEA adalah .056 iaitu lebih

rendah dari .08 seperti yang dicadangkan oleh Kline (2010). Koefisien indeks dalam Jadual 5 semuanya lebih besar dari .90 menunjukkan padanan model yang baik (Byrne, 2010), dan nilai PGFI lebih besar 0.5 (.698) yang juga menunjukkan padanan model yang baik dengan data (Hair et al., 2010). Enam belas (16) item telah digabungkan disebabkan nilai indeks modifikasi (M.I) yang tinggi. Rajah 1 menunjukkan Model CFA untuk kajian ini.



Rajah 1: Model Analisis Faktor Pengesahan (CFA).

PERBINCANGAN

Kawalan sosial tidak formal merupakan kaedah pengukuhan nilai integriti yang berkesan mengekang salah laku golongan muda (Jiang et al., 2010). Kajian empirikal kawalan sosial tidak formal kurang diberi perhatian pengkaji sains sosial dan kemanusiaan (Burchfield, 2009) kerana kaedah ini dilaporkan mengambil masa yang lama bagi mengukuh nilai integriti berbanding kawalan sosial formal (Weisburd & Eck, 2004). Namun, pelaksanaan kawalan sosial tidak formal disahkan bukan sahaja mengurangkan kos sistem keselamatan sosial malah (Groff 2015) membentuk peribadi golongan muda yang berintegriti (Khoury-Kassabri et al., 2015).

Dengan mengambil kira aspek budaya di Malaysia, kajian ini menambah baik dimensi kepercayaan yang bukan sahaja dilihat dari aspek undang-undang, malah turut menilai aspek kepercayaan agama. Justeru itu, bagi menguji dimensi kepercayaan dari aspek agama, instrumen yang diguna pakai adalah Skala Keagamaan (*Religiosity Scale*) oleh Abou-Youssef et al. (2011). Di mana kepercayaan agama tidak pernah diuji di mana-mana skala kawalan sosial tidak formal sebelum ini, di mana dimensi kepercayaan merujuk kepada kepercayaan

bahawa penguatkuasaan (Costello & Vowell, 1999) dan pematuhan undang-undang mengekang tindakan salah laku (Hirschi, 1969).

Idea asal teori kawalan sosial tidak formal oleh Hirschi (1969) mengesahkan gabungan dimensi kawalan sosial tidak formal seperti keterikatan, keterlibatan, komitmen dan kepercayaan sebagai kaedah berkesan pengukuhan nilai integriti golongan muda (Jiang, Wang & Lambert, 2010). Kajian ini mengukur skala kawalan sosial tidak formal melalui dimensi 1) keterikatan, 2) kepercayaan, 3) keterlibatan dan 4) komitmen melalui institusi sosial tersebut.

Dapatan menunjukkan model multi-dimensi skala kawalan sosial telah mencapai ketepatan padanan yang baik dan mencapai kesahan konvergen berdasarkan hubungan yang signifikan pemboleh ubah. Skala ini turut mencapai kesahan diskriminan dan kesahan prediktif yang menyokong ciri-ciri psikometrik versi Bahasa Melayu. Model analisis faktor pengesahan (CFA) dengan kesahan konstruk ini juga memberi gambaran bahawa konstruk keterikatan, keterlibatan, kepercayaan dan komitmen dalam teori kawalan sosial tidak formal yang melibatkan institusi sosial iaitu keluarga, rakan-rakan dan universiti telah sah diuji mewakili konstruk masing-masing. Walau bagaimanapun skala ini terhad kepada pengukuran terhadap golongan muda yang aktif menggunakan media sosial.

KESIMPULAN

Kawalan sosial tidak formal merupakan kaedah berkesan dalam mengekang tindakan salah laku melalui pengukuhan nilai integriti golongan muda. Gabungan dimensi 1) keterikatan, 2) kepercayaan, 3) keterlibatan dan 4) komitmen, kawalan sosial tidak formal mencapai kesahan pengukuhan nilai integriti golongan muda. Penambahbaikan konstruk bagi dimensi kepercayaan dijangka menyumbang kepada tahap kesahan model. Fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri psikometrik iaitu aspek kesahan dan kebolehppercayaan skala kawalan sosial yang diadaptasi daripada skala Cho (2014) dan Abou-Youssef et al. (2011). Keperluan untuk menterjemah skala ini ke dalam Bahasa Melayu adalah bagi membuka ruang kajian untuk memahami dan mengukur tahap kawalan sosial dalam kalangan masyarakat Malaysia. Hal ini perlu dilaksanakan kerana pengukuran kawalan sosial telah menarik perhatian pengkaji di negara Barat (Baumeister & Leary, 1995; Kendall, 2014; Booth & Varano, 2015) yang perlu disusuli oleh negara membangun seperti Malaysia bagi mendapatkan manfaat dari penggunaan media ini dengan lebih berkesan dan berintegriti.

BIODATA

Mohd Sufiean Hassan adalah pelajar Doktor Falsafah di Pusat Komunikasi dan Masyarakat Digital, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau juga merupakan pensyarah komunikasi di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). E-mel: sufiean@kuim.edu.my.

Maizatul Haizan Mahbob merupakan pensyarah kanan di Pusat Komunikasi dan Masyarakat Digital, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Email: maiz@ukm.edu.my

Mohd. Helmi Abd. Rahim merupakan pensyarah kanan di Pusat Komunikasi dan Masyarakat Digital, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Email: mhelmi@ukm.edu.my

RUJUKAN

- Abou-Youssef, M., Kortam, W., Abou-Aish, E., & El-Bassiouny, N. (2011). Measuring islamic-driven buyer behavioral implications: A proposed market-minded religiosity scale. *Journal of American Science*, 7(8), 728–741.
- Akmal, F., & Salman, A. (2015). Partisipasi politik belia secara “online” melalui ruang demokrasi maklumat media baru. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(1), 81–100.
- Alston, R. J. ., Harley, D., & Lenhoff, K. (1995). Hirschi’s social control theory: A sociological perspective on drug abuse among persons with disabilities. *The Journal of Rehabilitation Administration*, 61(4), 31–35.
- Babbie, E. (2013). *The practice of social research* (13th ed.). Canada: Wadsworth, Cengage Learning.
- Barfield-Cottledge, T. (2015). The triangulation effects of family structure and attachment on adolescent substance use. *Crime & Delinquency*, 61(2), 297–320.
- Booth, J. A., & Varano, S. P. (2008). Social control, serious delinquency, and risky. *Crime & Delinquency*, 54(3), 423–456.
- Boyes, R., O’Sullivan, D. E., Linden, B., Mclsaac, M., & Pickett, W. (2017). Gender-specific associations between involvement in team sport culture and canadian adolescents’ substance-use behavior. *SSM - Population Health*, 3(August), 663–673.
- Burchfield, K. B. (2009). Attachment as a source of informal social control in urban neighborhoods. *Journal of Criminal Justice*, 37(1), 45–54.
- Burke, J. D., Mulvey, E. P., Schubert, C. A., & Garbin, S. R. (2014). The challenge and opportunity of parental involvement in juvenile justice services. *Children and Youth Services Review*, 39, 39–47.
- Chamrathirong, A., Miller, B. A., Byrnes, H. F., Rhucharoenpornpanich, O., Cupp, P. K., Rosati, M. J., Fongkaew, W., et al. (2013). Intergenerational transmission of religious beliefs and practices and the reduction of adolescent delinquency in urban Thailand. *Journal of Adolescence*, 36(1), 79–89.
- Chapple, C. L. (2005). Self-control, peer relations, and delinquency. *Justice Quarterly*, 22(1), 89–106.
- Cho, B. J. (2014). Social bonds, self-control and deviance of Korean adolescents. *International Journal of Humanities and Social Science*, 4(9), 1–8.
- Chuen, E. M., Michael, E., & Teck, T. B. (2016). The role of media socialization agents in increasing obesity health literacy among Malaysian Youth. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(2), 691–714.
- Costello, B. J. & Vowell, P. R. (1999). Testing control theory and differential association: A reanalysis of the Richmond Youth Project data. *Criminology*, 37(4), 815–842.
- Dunifon, R., Kalil, A., Crosby, D. A., & Su, J. H. (2013). Mothers’ night work and children’s behavior problems. *Developmental Psychology*, 49(10), 1874–85.
- Farb, A. F., & Matjasko, J. L. (2012). Recent advances in research on school-based extracurricular activities and adolescent development. *Developmental Review*, 32(1), 1–48.
- Ferris, K. A., Oosterhoff, B., & Metzger, A. (2013). Organized activity involvement among rural youth: Gender differences in associations between activity type and developmental outcomes. *Journal of Research in Rural Education*, 28(15), 1–16.

- Fingar, K. R., & Jolls, T. (2014). Evaluation of a school-based violence prevention media literacy curriculum. *Injury Prevention, 20*(3), 183–190.
- Gau, J. M. (2014). Procedural justice and police legitimacy: A test of measurement and structure. *American Journal of Criminal Justice, 39*(2), 187–205.
- Groff, E. R. (2015). Informal social control and community crime prevention. *Journal of Contemporary Criminal Justice, 31*(1), 90–106.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis: A global perspective*. Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Han, W. J., & Miller, D. P. (2009). Parental work schedules and adolescent depression. *Health Sociology Review, 18*(1), 36–49.
- Han, W. J., Miller, D. P., & Waldfogel, J. (2010). Parental work schedules and adolescent risky behaviors. *Developmental Psychology, 46*(5), 1245–1267.
- Hirschi, T. (1969). Key idea: Hirschi's Social Bond / Social Control Theory. *Key Ideas in Criminology and Criminal Justice, 1*(1969), 55–69.
- Hoeve, M., Dubas, J. S., Gerris, J. R. M., Van Der Laan, P. H., & Smeenk, W. (2011). Maternal and paternal parenting styles: Unique and combined links to adolescent and early adult delinquency. *Journal of Adolescence, 34*(5), 813–827.
- Hoffmann, J. P. (1995). The effects of family structure and family relations on adolescent marijuana use. *The International Journal of The Addictions, 30*(10), 1207–1241.
- Jeffrey, T. W., Boman IV, J. H., & Shayne, J. (2015). Hirschi's redefined self-control: Assessing the implications of the merger between social-and self-control theories. *Crime & Delinquency, 61*(9), 1206–1233.
- Jiang, S., Lambert, E. G., Liu, J., & Saito, T. (2014). Formal and informal control views in China, Japan, and the U.S. *Journal of Criminal Justice, 42*(1), 36–44.
- Jiang, S., Wang, J., & Lambert, E. (2010). Correlates of informal social control in Guangzhou, China neighborhoods. *Journal of Criminal Justice, 38*(4), 460–469.
- Khoury-Kassabri, M., Khoury, N., & Ali, R. (2015). Arab youth involvement in delinquency and political violence and parental control: The mediating role of religiosity. *American Journal of Orthopsychiatry, 85*(6), 576–585.
- Laird, R. D., Marks, L. D., & Marrero, M. D. (2011). Religiosity, self-control, and antisocial behavior: Religiosity as a promotive and protective factor. *Journal of Applied Developmental Psychology, 32*(2), 78–85.
- Lawrence, R. (1985). School performance, containment theory and delinquent behavior. *Youth and Society, 17*(1), 69.
- Ludden, A. B. (2011). Engagement in school and community civic activities among rural adolescents. *Journal of Youth and Adolescence, 40*(9), 1254–1270.
- Lyons-Ruth, K. (1996). Attachment relationships among children with aggressive behavior problems: The role of disorganized early attachment patterns. *Journal of Consulting and Clinical Psychology, 64*(1), 64–73.
- Mastrofski, S. D., Worden, R. E., & Snipes, J. B. (1995). Law enforcement in a time of community policing. *Criminology, 33*(4), 539–563.
- Memon, S., Ishak, M. S., & Hamid, N. A. (2018). Influence of political socialization agents on Pakistani youth's political participation: The mediating role of media and interpersonal communication. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication, 34*(2), 121–136.

- Metzger, A., Dawes, N., Mermelstein, R., & Wakschlag, L. (2011). Longitudinal modeling of adolescents' activity involvement, problem peer associations, and youth smoking. *Journal of Applied Developmental Psychology, 32*(1), 1–9.
- Mohamad, B. (2018). Youth offline political participation: Trends and role of social media. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication, 34*(3), 192–207.
- Mustafa, S. E. (2016). Penggunaan laman sosial dan impaknya terhadap hubungan persahabatan dalam talian. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication, 32*(2), 65–81.
- Mustapha, N. (2013). Religion and delinquency in Trinidad and Tobago. *International Journal of Social Science & Education, 4*(1), 135–152.
- Na, C., & Gottfredson, D. C. (2013). Police officers in schools: Effects on school crime and the processing of offending behaviors. *Justice Quarterly, 30*(4), 619–650.
- Nik Yaacob, N. R., & Siew, H. S. (2010). Mother working status and physical aggressive behaviour among children in Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences, 5*, 1061–1066.
- Nye, F. I. (1958). *Family relationships and delinquent behavior*. New York: Wiley.
- Obasola, K. E. (2013). Religious imperatives as a panacea to crime and violence among youths in Nigeria. *European Journal of Business and Social Sciences, 2*(8), 112–122.
- Office of Juvenile Justice and Delinquency Prevention. (2018, January). Interactions between youth and law enforcement. 1–31. *ojjdp.gov*. Retrieved from <https://www.ojjdp.gov/mpg/litreviews/Interactions-Youth-Law-Enforcement.pdf>
- Omoyibo, K. U., & Obaro, O. A. (2012). Applications of social control theory: Criminality and governmentality. *International Journal of Asian Social Science, 2*(7), 1023–1032.
- Oosterhoff, B., Kaplow, J. B., Wray-Lake, L., & Gallagher, K. (2017). Activity-specific pathways among duration of organized activity involvement, social support, and adolescent well-being: Findings from a nationally representative sample. *Journal of Adolescence, 60*, 83–93.
- Özden, Ö. & Özcan, Y. Z. (2006). A test of Hirschi's social bonding theory juvenile delinquency in the high schools of Ankara, Turkey. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology, 50*(6), 711–726.
- Özlem, O., & Haydari, N. (2011). The state of media literacy in Turkey. *Procedia Social and Behavioral Sciences, 15*, 2827–2831.
- Peck, S. C., Roeser, R. W., Zarrett, N., & Eccles, J. S. (2008). Exploring the roles of extracurricular activity quantity and quality in the educational resilience of vulnerable adolescents: Variable- and pattern-centered approaches. *Journal of Social Issues, 64*(1), 135–156.
- Pickering, J. C., & Klinger, D. A. (2016). Enhancing police legitimacy by promoting safety culture. *Sociology of Crime Law and Deviance, 21*, 21–39.
- Quintelier, E. (2008). Who is politically active: The athlete, the scout member or the environmental activist? *Acta Sociologica, 51*(4), 355–370.
- Raitasalo, K. (2008). *Informal social control of drinking Finland in the light of international comparison*. STAKES National Research and Development Centre for Welfare and Health: Research Report 172. *Tampere University Press Stakes* (Open access books). Retrieved from <http://tampub.uta.fi/handle/10024/67819>
- Reckless, W. C. (1961). A new theory of delinquency and crime. *Federal Probation, 25*, 42–46.

- Schroeder, R. D., Giordano, P. C., & Cernkovich, S. A. (2010). Adult child-parent bonds and life course criminality. *Journal of Criminal Justice*, 38(4), 562–571.
- Suffian, A. B. (2016). Kadar muflis golongan muda di Malaysia merisaukan. *Berita Harian Online*. Diambil daripada <http://www.bharian.com.my/node/220849> [29 January 2017].
- Toby, J. (1957). Social disorganization and stake in conformity: Complementary factors in the predatory behavior of hoodlums. *Journal of Criminal Law, Criminology & Police Science*, 48(1), 12–17.
- Warner, B. D., Leukefeld, C. G., & Kraman, P. (2003). Informal social control of crime in high drug use neighborhood: Final project report. National Criminal Justice Reference Service (NCJRS), 1-104. Retrieved from <https://www.ncjrs.gov/App/Publications/abstract.aspx?ID=200609>
- Weisburd, D., & Eck, J. E. (2004). What can police do to reduce crime, disorder and Fear? *Annals of the American Academy of Political and Social Science*, 593(May), 42–65.
- Wiley, S. A. & Esbensen, F. A. (2016). The effect of police contact: Does official intervention result in deviance amplification? *Crime and Delinquency*, 62(3), 283–307.
- Wray-Lake, L., Maggs, J. L., Johnston, L. D., Bachman, J. G., O'Malley, P. M., & Schulenberg, J. E. (2012). Associations between community attachments and adolescent substance use in nationally representative samples. *Journal of Adolescent Health*, 51(4), 325–331.
- Yusof, W. H. M., Ismail, I. A., Abdullah, H., Ismail, R., Roslan, S., Sabri, B. A. R. M. F., Hui, J. N. L., et al. (2015). *Indeks Belia Malaysia 2015*. Malaysia: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).